

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 28 Jun 2016 16:33
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HELWA KAMPUS KEJURUTERAAN USM DIBUAI ATMOSFERA HIJAU



28 JUN 2016 / 23 RAMADHAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

HELWA KAMPUS KEJURUTERAAN USM DIBUAI ATMOSFERA HIJAU



ANJUNG TAMU ONLINE: Unit Hal Ehwal Wanita (HELWA) Pusat Islam, Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) Nibong Tebal, Pulau Pinang terpanggil untuk Discover UUM dengan kerjasama Pusat Islam UUM.

30 delegasi HELWA yang diketuai oleh Pensyarah Kejuruteraan kampus tersebut, Khariah Karim berkata, “kampus kejuruteraan berhasrat menjalin silaturahim dengan kampus di rimba hijau”.

Beliau yang mendahului delegasi ke lobi utama Welcome Centre tertarik dengan dekorasi dalaman yang berkonsepkan alam semulajadi.

“Sebuah *one stop centre* yang baik untuk tetamu yang hadir ke UUM bagi mengenali kampus ini dengan lebih dekat”, tambah beliau.

Selain meneliti peta kampus yang luas dan mendapatkan maklumat tempat-tempat menarik, delegasi turut melawat surau dalam taman dan persekitaran. Perincian yang indah serlah dekorasi dan rekabentuk, masing-masing memberi pandangan bahawa Welcome Centre mampu menarik pelancong ke kampus jika dipromosikan berleluasa.

Turut hadir, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Pusat Islam UUM, Nor Azlinah Zaini.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

